

Headline	Teratak Kasih Tok Nan bagi pesakit HIV Sarawak		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 May 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	20	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	556 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,090
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,270



Teratak Kasih Tok Nan bagi pesakit HIV Sarawak

SEBAGAIMANA orang yang hidup dengan HIV lain di Sarawak, Joyce (bukan nama sebenar), berhadapan dengan masalah dan cabaran untuk bertemu doktor, setiap kali temu janji dilakukan.

Menetap di sebuah perkampungan kecil di sempadan Kalimantan Barat yang terletak kira-kira 100 kilometer jauhnya, dia terpaksa bergantung harap dengan menumpang kereta majikannya ke Kuching setiap kali ingin melakukan pemeriksaan kesihatan di Hospital Umum Sarawak.

Ini kerana hospital tersebut satu-satunya kemudahan pusat kesihatan yang menawarkan rawatan anti-retroviral tahap pertama secara percuma di Sarawak.

Kini dengan adanya Pusat Sokongan Sehati Yayasan AIDS Malaysia, yang dikenali sebagai Teratak Kasih Tok Nan, sedikit sebanyak mampu meringankan beban Joyce.

Pusat tersebut menyediakan kemudahan sama sebagaimana ditawarkan di Hospital Umum Sarawak, bagi golongan kurang berkemampuan yang hidup dengan HIV di negeri itu.

Terletak di Jalan Crookshank, Kuching, Sarawak, pusat itu merupakan kemudahan berasaskan komuniti yang menyediakan kelengkapan dan rawatan untuk semua golongan, lelaki, wanita dan kanak-kanak yang dijangkiti virus berkenaan.

Dilancarkan baru-baru ini oleh Penaungnya, Puan Sri Jamilah Anu, pusat berkenaan



JAMILAH ANU (empat dari kanan) melakukan simbolik pelancaran Pusat Sokongan Sehati Yayasan AIDS Malaysia atau Teratak Kasih Tok Nan di Kuching, Sarawak baru-baru ini.

diberi nama bersempena dengan nama suami beliau, Allahyarham Tan Sri Adenan Satem, yang semasa hayatnya sentiasa menunjukkan komitmen untuk membendung HIV ke angka sifar.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia, **Profesor Datuk Dr. Adeeba Kamarulzaman**.

Menurut Dr. Adeeba, Teratak Kasih Tok Nan merupakan simbol harapan, serta ambil berat pihak yayasan terhadap masyarakat di Sarawak yang hidup dengan HIV.

"Ya satu tempat dan harapan bagi komuniti yang hidup dengan HIV dan AIDS bertemu untuk memperbaiki hubungan sosial dan kesihatan mereka.

"Pusat ini sekurang-kurangnya memendekkan hampir separuh perjalanan Joyce

dan mereka yang hidup dengan HIV lain, yang terpaksa melalui jalan jauh untuk mendapatkan rawatan di hospital.

"Kemudahan ini boleh merawat 13 pesakit pada satu-satu masa," katanya.

Antara kemudahan yang ditawarkan kepada komuniti di pusat berkenaan ialah pemeriksaan HIV, kaunseling dan lain-lain. Ia diuruskan oleh Persatuan Prihatin AIDS Sarawak (SACS), iaitu rakan pertubuhan bagi Yayasan AIDS Malaysia.

Sementara itu, Presiden SACS, **Dr. Yuwana Podin**, berkata, pusat sokongan sehati ini amat berharga kepada komuniti di sini.

"Ramai dalam kalangan mereka yang hidup dengan HIV berterusan disingkirkan atas dasar stigma dan diskriminasi.

"Tempat yang selamat

diperlukan bagi memastikan golongan ini dilindungi, keperluan dan suara mereka didengari," katanya.

Dalam pada itu, epidemik AIDS yang pertama di Sarawak bermula pada 1989, iaitu tiga tahun selepas kes HIV pertama dikesan di Malaysia.

Menjelang penghujung 2016, sejumlah 2,436 kes jangkitan HIV direkodkan, yang mana sebanyak 542 daripada angka berkenaan telah meninggal dunia.

"Biarpun kadar jangkitan adalah kecil, terdapat peningkatan kes jangkitan dicatatkan sejak lima tahun lepas iaitu dari 147 kes pada 2011 kepada 253 pada 2016.

"Menerusi pusat sehati ini, kami berharap dapat mencipta peluang secara efektif untuk menyebarkan isu membendung HIV dan AIDS menerusi pendidikan, kesedaran dan

pemeriksaan secara berterusan dengan mereka yang dijangkiti," katanya. -

ROSMAH DAIN

SUKARELAWAN dari Persatuan Prihatin AIDS Sarawak dan Yayasan AIDS Malaysia Amal bertanggungjawab menguruskan Teratak Tok Nan.



PUSAT Sokongan Sehati Yayasan AIDS Malaysia atau Teratak Kasih Tok Nan yang memberi kemudahan kepada golongan yang hidup dengan HIV/AIDS.

